

Ladang Syamille Agro Farm & Resort (SAF) yang terletak di Kampung Chuar Hulu, Kati, Kuala Kangsar, Perak.



Melatih penternak baru

DALAM usaha mengembangkan ilmu penternakan berkonsep agro pelancongan di samping berkongsi informasi berkaitannya, Syamille Agro Farm & Resort (SAF) turut menyediakan sesi kursus kepada penternak baru yang berminat.

Sesi kursus tersebut merangkumi pengajaran teori dan praktikal di kawasan ladang sebenar yang mengambil masa selama lebih kurang seminggu.

Bagi tujuan itu, SAF telah menjalankan kolaborasi dengan beberapa pihak seperti Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk membuka peluang tersebut kepada para penternak di seluruh negara.

Setakat ini, program tersebut telah berjaya melatih seramai lebih 300 orang penternak baru yang ingin menceburkan diri dalam bidang berkenaan.

Dalam masa sama, SAF ketika ini sedang dalam proses melengkapkan ladangnya dengan segala kemudahan yang bersesuaian dan menyeluruh.

Ini kerana, pemilik ladang, Mohd. Zainuri Mohd. Idrus bercita-cita ingin menjadikan ladangnya sebagai antara pengeluar kambing baka Boer dan lembu Wagyu serta pusat memproses daging halal terbesar di Malaysia.

“Jika diberi peluang, kita akan mencari dana dan kawasan ternakan yang lebih luas serta bersesuaian untuk memperluaskan lagi operasi ladang SAF,” jelasnya.

Anda yang berminat mendapatkan maklumat lanjut berkaitan SAF boleh menghubungi talian 05-752 0209 atau layari laman web www.syamille.com.my.